



## JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

### TEKS KHUTBAH

**Tajuk:**

**DEMI TANAH AIR**

**Tarikh Dibaca:**

**25 SAFAR 1446H /  
30 OGOS 2024**

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



جَابَانِيَّةُ الْإِسْلَامِ مَالِيْسِيَا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## DEMI TANAH AIR

30 OGOS 2024 / 25 SAFAR 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَإِذْ كُنْتُمْ أَغْدَاءَ فَأَلَّفْ  
بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَخْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَافَ حُفْرَةٍ مِنَ التَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا

كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ۝۝ (سورة آل عمران)

أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيُّكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Berikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan janganlah melakukan perkara-perkara *lagha* seperti berbual-bual dan bermain telefon bimbit. Mudah-mudahan khutbah ini akan memberi banyak pengajaran kepada kita semua.

Pada hari ini, saya akan membicarakan khutbah bertajuk: “**Demi Tanah Air**”.

Sebelum itu juga, saya ingin menyeru kepada semua untuk terus mendoakan keselamatan dan perlindungan kepada penduduk Palestin yang berterusan ditindas oleh rejim zionis Israel *laknatullahi 'alaihim*. Sesungguhnya hanya Allah SWT juga yang Maha Berkuasa memberi pertolongan kepada mereka.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Alhamdulillah, esok bersamaan 31 Ogos 2024, negara kita akan menyambut ulang tahun kemerdekaan yang ke-67. Tarikh keramat ini membawa banyak kisah suka dan duka apatah lagi apabila kita mengenang betapa susah payahnya generasi terdahulu yang berjuang demi kebebasan negara tercinta ini. Maka, sudah tentu kita seharusnya bersyukur kepada Allah SWT atas nikmat kemerdekaan ini, iaitu dengan meningkatkan ketakwaan serta *istiqamah* melaksanakan *amar makruf* dan *nahi munkar*.

Allah SWT berfirman dalam Surah al-A'raaf ayat 10:

وَلَقَدْ مَكَّنَّاكُمْ فِي الْأَرْضِ وَجَعَلْنَا لَكُمْ فِيهَا مَعَايِشٌ قَلِيلًا مَا تَشْكُرُونَ ۚ

**Maksudnya:** “Dan sesungguhnya Kami telah menetapkan kamu (dan memberi kuasa) di bumi, dan Kami jadikan untuk kamu padanya (pelbagai jalan) penghidupan (supaya kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur”.

Sejarah Malaysia bermula sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka iaitu sekitar tahun 1400 Masihi. Pada zaman kegemilangannya, wilayah kesultanan ini meliputi sebahagian besar Semenanjung dan Pantai Timur Sumatera. Melaka muncul sebagai sebuah kerajaan yang gemilang kerana memiliki pemimpin yang berwibawa, sistem pentadbiran dan pemerintahan yang cekap di samping kedudukannya yang strategik berada di titik pertemuan antara Asia Timur dengan Asia Barat. Keadaan ini membolehkan Melaka muncul sebagai pusat perdagangan utama khususnya bagi perdagangan rempah di Asia Tenggara. Islam pula muncul sebagai agama utama yang tersebar dan menjadi anutan utama penduduk Melaka kerana rajanya sendiri telah memeluk agama Islam.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Kedudukan negara yang strategik di persimpangan Selat Melaka, serta kekayaan hasil buminya menjadi faktor utama perebutan dan penjajahan kuasa asing terhadap negara kita. Mereka datang untuk menguasai perdagangan rempah dan mengeksploitasi hasil

bumi khususnya bijih timah yang mendapat permintaan tinggi di Eropah semasa tercetusnya Revolusi Perindustrian pada awal kurun ke 18. Penguasaan kuasa-kuasa asing ke atas negara ini berlarutan lebih 400 tahun.

Atas banyak faktor keistimewaan yang dimiliki itulah menyebabkan banyak kuasa asing merebut untuk menjajah bumi Melayu ketika itu. Bermula dari penaklukan Portugis di Melaka pada 10 Ogos 1511, kemudian dirampas pula oleh Belanda pada 14 Januari 1641. Negara kita juga dikuasai oleh British melalui Perjanjian Inggeris-Belanda yang menyebabkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk tempatan. Begitu juga dengan penjajahan Jepun di Tanah Melayu pada tahun 1941. Sepanjang tempoh ini jugalah,kekayaan negara telah dirampas, anak tempatan ditindas dan dinafikan hak mereka sehingga membawa kepada kesedaran untuk bangkit mempertahankan ketuanan di tanah air sendiri.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Kebangkitan semangat pembebasan tanah air didorong oleh kumpulan yang mendapat pendidikan sama ada dari Timur Tengah dan pendidikan tempatan. Kumpulan ini mula meniupkan semangat nasionalisme dalam kalangan penduduk tempatan melalui pelbagai cara, antaranya dengan menggunakan media cetak seperti akhbar, majalah, cerpen dan novel. Antara tokoh yang memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran nasionalisme penduduk tempatan ialah Dol Said, Tok Janggut, Datuk Bahaman, Rentap, Datuk Maharajalela, Rosli Dhoby dan beberapa tokoh yang lain.

Mengambil kira kemajmukan kaum yang ada di negara ini, para pemimpin terdahulu telah memikirkan usaha yang terbaik membentuk gagasan negara yang makmur dan stabil tanpa meminggirkan mana-mana kaum yang lain. Justeru, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj bertindak membentuk Parti Perikatan pada 1952 yang membuka mata British untuk membenarkan penduduk Tanah Melayu mentadbir sendiri negara ini. Perpaduan antara tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India telah menampakkan hasil apabila Perjanjian London yang ditandatangani pada 8 Februari 1956 telah memberi petanda bahawa Persekutuan Tanah Melayu akan merdeka pada 31 Ogos 1957, tarikh keramat yang dicadangkan oleh ulama falak ketika itu, iaitu Syeikh Abdullah Fahim.

## SIDANG JEMAAH YANG DIKASIH SEKALIAN,

Dengan nikmat kemerdekaan, kita kini telah berdiri dengan sendiri menempuh pelbagai cabaran, suka dan duka. Kita bebas mentadbir negara ini mengikut acuan kita sendiri. Paling penting, Islam berdaulat di negara tercinta dan kita bebas mengamalkan ajaran Islam tanpa tekanan selain tidak meminggirkan agama dan kaum lain mengamalkan ajaran masing-masing.

Di sini juga, perlunya kita untuk terus menumpukan usaha memelihara kesepaduan dan keharmonian masyarakat. Tinggalkanlah perseteruan dan perselisihan yang langsung tidak memberi manfaat sama ada kepada agama, bangsa maupun negara. Kita, umat Islam perlu lebih lagi memelihara ukhuwah dan terlebih lagi harus memegang prinsip keadilan dan perdamaian kerana itulah asas ajaran Islam yang utama.

Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama, kita juga harus tetap berwaspada terhadap penjajahan pemikiran yang tidak pernah berhenti menyerang. Serangan pelbagai bentuk ideologi dan ajaran sesat menjadi cabaran hebat kepada kita pada hari ini, maka untuk menghadapi serangan ini, anak bangsa perlunya atas keimanan yang kukuh dan keilmuan yang mantap.

## SIDANG JEMAAH YANG DIKASIH SEKALIAN,

Teladan Rasulullah SAW menunjukkan bahawa Baginda begitu cintakan Makkah, tempat tanah tumpah darah Baginda. Baginda mengajar kita untuk cintakan tanah air sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidzi dalam kitab Sunan al-Tirmidzi sebagai berikut:

مَا أَطْبَيَكِ مِنْ بَلَدٍ وَأَحَبَّكِ إِلَى وَلَوْلَا أَنَّ قَوْمِي أَخْرَجُونِي مِنْكَ مَا سَكَنْتُ غَيْرَكِ

**Maksudnya:** “Betapa baiknya negeri yang kamu miliki dan betapa sayangnya kamu kepadaku. Sekiranya kaumku tidak mengusirku daripada kamu, aku tidak akan tinggal di negeri orang lain”.

Merdeka bukan sekadar kita mengibar bendera atau seronok menonton perbarisan. Hakikat kemerdekaan itu ialah kita menanamkan rasa cinta kepada tanah air dengan berusaha memikirkan dan mencari jalan terbaik untuk menyumbang kepada kesejahteraan negara dalam apa-apa jua bidang yang kita mampu. Setidak-tidaknya, kita

semua berdoa dan berusaha memelihara perpaduan dan keharmonian kaum yang terdapat di negara ini. Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, ada beberapa perkara yang saya boleh rumuskan;

**Pertama:** Nikmat kemerdekaan ini harus disyukuri dengan meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT serta melaksanakan amar makruf dan nahi munkar.

**Kedua:** Malaysia merupakan bumi bertuah yang memiliki banyak keistimewaan. Maka peliharalah negara ini sebaiknya dengan terus memelihara perpaduan dan toleransi dalam masyarakat yang berbilang kaum dan agama.

**Ketiga:** Marilah kita gembleng seluruh daya dan usaha kita dan turut menyumbang kepada pembangunan negara dalam apa-apa jua aspek demi kemakmuran dan kesejahteraan tanah air tercinta.

Renungkanlah firman Allah SWT:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لِئِنْ شَكَرْتُمْ لَا زِيَادَةَ كُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ۝

**Maksudnya:** “Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras”. (**Surah Ibrahim ayat 7**)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَأَيَا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقْبِلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تَلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهٰلِ  
 وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
 أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تَقْعِيدِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ  
 بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلٰى  
 النَّبِيِّ يَا عَيْهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيماً ۖ  
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيَتْ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ  
 سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكَتْ عَلٰى سَيِّدِنَا  
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.  
 وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِ  
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.  
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.  
 اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَا وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ جَلَالَةً مَلِكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا  
 مُولِيَا سَرِيِّ قُدوْكَ بِكِينِدَا يَعْ دَفْرَتوَانِ اكْنُوْغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمَ.  
 وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِيِّ قُدوْكَ بِكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايِسُورِيِّ اكْنُوْغْ، رَاجِ  
 زَارِيَثُ صُوفِيَاَهُ.  
 اللَّهُمَّ احْفَظْ عَلِمَاءَهُ وَوَزَرَاءَهُ وَقُضاَتَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاَهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ  
 يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.  
 اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنَا مُطْمَئِنَا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ،  
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ اعْزِزِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلَى كَلْمَتَكَ إِلَيْ يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعِفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.

اللَّهُمَّ انصُرِ الْمُسْلِمِينَ الْمُسْتَضْعِفِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ارْحِمِ الْمُسْتَضْعِفِينَ مِنْ عِبَادِكَ.

اللَّهُمَّ اكْشِفْ الْغَمَةَ عَنْ أُمَّتِنَا، اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ أَنْ تُرْفَعَ الْبَلَاءُ عَنْ غَرَّةِ وَاهْلِهَا، وَأَنْ

تُنْصِرُهُمْ عَلَى عَدُوِّهِمْ، وَأَنْ تُرْحِمَ الْمُسْتَضْعِفِينَ مِنْ عِبَادِكَ، وَأَنْ تُكْشِفَ الْغَمَةَ عَنْ

أُمَّتِنَا، اللَّهُمَّ عَافِنَا وَالْطُّفْ بَنَآ وَاحْفَظْنَا وَانْصُرْنَا وَفَرِجْ عَنَّا وَالْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اكْفِنَا

وَإِيَّاهُمْ جَمِيعًا شَرَّ مَصَابِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا

وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلْدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجَنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ

الرَّاحِمِينَ.

رَبَّنَا آتَانَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.